

SUMBANGAN DATO' DR. DANIAL ZAINAL ABIDIN DALAM PEMERKASAAN SAINS ISLAM DAN EVALUASI RELEVANSI KONSEP-KONSEPNYA DALAM MENGATASI JURANG ILMU AGAMA DAN ILMU SAINS PADA ERA MODEN

Nur Athirah binti Khairul Anwar¹
Nurul Husna binti Ahmad Ridzuan²
Nur Auni Iffah binti Mohd Shukor³
Syed Najihuddin bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: nurathirah_@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: husnaridzuan@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: auniiffah@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

ABSTRAK

Sains Islam adalah ilmu yang berasaskan wahyu dan akal dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu dalam penyelidikan tanpa bercanggah dengan syarak. Dato' Dr. Danial bin Zainal Abidin merupakan salah satu tokoh terkemuka yang memainkan peranan dalam mempromosikan integrasi sains dan Islam. Beliau juga menunjukkan bagaimana prinsip-prinsip sains moden dapat diintegrasikan dengan ajaran dan nilai-nilai Islam. Oleh itu, fokus utama kajian ini adalah mengkaji sumbangan Dato' Dr. Danial Zainal Abidin dalam bidang sains Islam sambil menilai relevansi konsep-konsep sains Islam dalam merapatkan jurang antara ilmu agama dan ilmu sains pada era moden menurut pandangan beliau. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif. Data kualitatif ini diperolehi sepenuhnya melalui penyelidikan dokumentasi dan perpustakaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat banyak jasa dan sumbangan beliau dalam bidang sains Islam. Implikasinya, beliau banyak memberikan impak yang besar kepada masyarakat dalam meningkatkan pemahaman terhadap konsep sains moden yang sejajar dengan konteks Islam. Justeru, kajian ini boleh memberi panduan kepada masyarakat untuk mengetahui sumbangan-sumbangan hebat beliau dalam bidang sains Islam.

Kata kunci: Sumbangan, Dato' Dr. Danial Zainal Abidin, Kajian Agama dan Sains, Pemikiran Sains Islam, Pengaruh Intelektual

Pengenalan

Dalam era dinamis dan kompleks ini, sains Islam muncul sebagai bidang pengetahuan yang memajukan ketamadunan dan keilmuan Islam selari perkembangan sains dan teknologi. Sains Islam bukanlah sekadar satu bidang sains tetapi lebih kepada pendekatan holistik yang merangkumi pelbagai disiplin ilmu daripada perspektif Islam. Penyelidikan dan pembangunan dalam bidang ini memberikan penekanan kepada pemahaman yang mendalam tentang

hubungan antara sains dan agama Islam. Sehingga kini, sains Islam bukan hanya satu perbandingan antara sains moden dan ajaran Islam tetapi suatu usaha untuk menyatukan kedua-dua paradigma ini secara harmoni (Zainal Abidin, n.d.).

Al-Quran memberikan satu bukti yang nyata bahawa sains dalam konteks Islam telah terbukti sejak sekian lama sejak al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad saw yang merupakan kitab ikutan pertama umat Islam. Iaitu di dalam surah Luqman ayat 20:

أَلَمْ تَرَوْا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعْمَهُۥ ظُهْرًا وَبَاطِنًا وَمِنَ النَّاسِ مَن يُجٰدِلُ
فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدٰى وَلَا كِتٰبٍ مُّنِيرٍ .

Bermaksud, Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah swt memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan di bumi, dan melimpahkan kepada kami nikmat-Nya yang zahir dan yang batin? Dalam pada itu, ada antara manusia orang yang membantah mengenai sifat Allah swt dengan tidak bersandarkan sebarang pengetahuan atau sebarang petunjuk dan tidak juga berdasarkan mana-mana kitab Allah swt yang menerangi kebenaran.

Dr. Danial Zainal Abidin telah menjadi perintis yang mencorakkan peta jalan sains Islam melalui sumbangannya yang signifikan dalam menyelidiki perkaitan antara ilmu agama dan ilmu sains (Majid & Zuhdi, 2003). Sebagai seorang cendekiawan dan peneliti, beliau telah menggali konsep-konsep dalam sains Islam dengan tujuan mengintegrasikannya ke dalam konteks ilmu pengetahuan moden. Bintang ilmuwan ini telah memberikan kontribusi berharga melalui pemikirannya yang mendalam dalam bidang sains Islam. Dengan kepakarannya, beliau telah menguraikan konsep-konsep Islam yang dapat diterapkan dan diintegrasikan dalam kerangka ilmu sains kontemporari (Husain et al., 2018). Melalui kepakarannya, beliau telah membimbing jalan bagi pemahaman yang lebih holistik tentang hubungan antara sains dan agama.

Dalam konteks merapatkan jurang antara ilmu agama dan ilmu sains pada era moden, Dr. Danial Zainal Abidin telah mengadvokasi relevansi yang kuat terhadap konsep-konsep sains Islam. Evaluasi mendalam terhadap pemikiran beliau mengungkapkan bahawa konsep-konsep tersebut tidak hanya bersifat falsafah, tetapi juga memiliki aplikasi praktis dalam konteks penelitian dan teknologi masa kini (Husain et al., 2018). Beliau mengedepankan pendekatan yang tidak hanya memberi landasan ilmiah tetapi juga mempertimbangkan nilai-nilai etika dan moral Islam. Ia meyakini bahawa konsep-konsep tersebut memiliki peranan penting dalam membimbing ilmu pengetahuan menuju pemahaman yang lebih holistik dan terhadapan. Dengan berpegang pada visi ini, beliau memandang bahawa konsep-konsep sains Islam dapat membuka pintu untuk menguatkan hubungan antara ilmu agama dan ilmu sains pada era moden. Sehingga, pemahaman terhadap keduanya bukan lagi sebagai suatu entiti terpisah, melainkan sebagai elemen-elemen yang saling melengkapi antara satu sama lain.

Dengan demikian, kajian ini bertujuan untuk menyelidiki secara mendalam sumbangan Dato' Dr. Danial Zainal Abidin dalam sains Islam dan menilai relevansi konsep-konsep yang beliau sampaikan dalam merapatkan jurang antara ilmu agama dan ilmu sains di era moden.

Kajian Literatur

Terdapat beberapa perkara yang dibincangkan di dalam kajian literatur iaitu:

Konsep Sains dalam Perspektif Islam

Artikel yang ditulis oleh Abdullah, A. (2022) memberi gambaran bahawa Sains dan Islam mempunyai perspektif yang berbeza dalam menyingkapi kehidupan namun terdapat hubungan yang kuat di antara keduanya. Perbezaan mendasar antara agama dan sains terletak pada pendekatan metodologinya dalam membincangkan kebenaran. Metodologi agama cenderung bersifat subjektif kerana bergantung kepada intuisi, pengalaman peribadi, dan autoriti nabi berserta mukjizat dan kitabnya. Sebaliknya, sains bersifat objektif kerana bergantung kepada pemerhatian, interpretasi fenomena yang boleh diamati, dan boleh disahkan.

Selain itu, Taqiyuddin, M. (2021) juga melakukan kajian melibatkan tinjauan terhadap beberapa kajian yang telah dilakukan sebelumnya mengenai integrasi antara Islam dan sains, serta melakukan peninjauan kritis terhadap pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas mengenai sains Islam. Hasil kajiannya menyimpulkan bahawa paradigma integrasi dalam hubungan antara Islam dan sains merupakan tahap awal yang muncul saat Islam berinteraksi dengan peradaban lain.

Manakala, Faizan, M. A. A. B., & Abdullah, A. H. (2021) telah menjalankan kajian yang membincangkan integrasi antara penemuan sains dan teknologi dengan al-Quran sebagai bukti kehebatan dan kekuasaan Allah SWT. Dalam kajian ini, kaedah perpustakaan digunakan dengan mengambil makna-makna ayat dalam al-Quran, disokong oleh hujahan fakta dari penemuan sains dan teknologi masa kini. Kajian ini bertujuan untuk menunjukkan perkaitan antara ayat-ayat al-Quran dan kemajuan sains sebagai bukti manifestasi keagungan Allah swt dalam penciptaan alam semesta.

Seterusnya, Hadi Ihsan, Nur (2021) telah menyusun kajian yang bertujuan untuk menjelaskan hubungan antara agama dan sains dari perspektif sejarah filsafat sains Islam dan sains Barat moden. Hasil kajian menunjukkan bahawa pertama, dalam sejarahnya, sains Islam dibangunkan berdasarkan wahyu yang disahkan melalui akal dan penglihatan. Sementara dalam sejarah Barat, sains moden berkembang seiring gerakan sekularisasi yang menekankan kebenaran rasio dan pengalaman indera, sambil menolak kebenaran doktrin agama (gereja). Kedua, selepas kemunduran sains Islam, sains moden menjadi pusat perhatian dan mendominasi arena sains dunia. Dan ketiga, maklum balas ilmuwan Muslim terhadap dominasi sains moden adalah melalui gerakan Islamisasi ilmu pengetahuan, terutamanya melalui pelaksanaan program penyelidikan sains Islam.

Akhir sekali, kajian oleh Supriyadi, A. (2018), diungkapkan bahawa interaksi antara sains dan agama telah berlangsung sejak lama, terutama dalam sejumlah naratif sejarah Islam dan al-Quran. Tujuan utama kajian ini adalah menjelaskan bagaimana agama dapat menjadi titik tolak bagi umat manusia secara umum, dan umat Muslim

khususnya, dalam mengembangkan sains. Selain itu, argumen utama kajian ini adalah mengungkapkan bahawa sains dan agama memiliki hubungan yang erat dengan tradisi intelektual Islam yang diinspirasi sebahagian besar dari spiritualiti keagamaan, terutama yang berasal dari kitab suci al-Quran.

Perkembangan Sains Islam

Kajian mengenai perkembangan Sains Islam oleh Sidik, R. et. al (2013) menyatakan bahawa sains tabi'i telah berkembang sejak zaman Sebelum Masihi lagi. Dalam tamadun Islam, terdapat kemajuan sains tabi'i yang dikenali sebagai sains tabi'i Islam, di mana setiap kajian atau penemuan dilakukan dengan merujuk kepada nilai-nilai dan prinsip Islam serta menolak sains yang bertentangan dengan ajaran Islam. Bidang-bidang sains tabi'i Islam juga turut mengalami perkembangan hebat termasuk bidang perubatan, geografi, astronomi dan kejuruteraan mekanikal.

Manakala, Azhar, A. (2017) menjalankan kajian yang mana mengkaji perkembangan sains dalam ketamadunan manusia merangkumi perbincangan daripada dua aspek perkembangan iaitu dalam sejarah ketamadunan Islam dan keduanya ketamadunan Barat. Beliau menyatakan bahawa perkembangan pesat ketamadunan Islam terbukti telah menyaingi tamadun-tamadun lain yang terdahulu dan yang terkemudian. Analisis kritis terhadap metodologi yang mempengaruhi cara aplikasi dan adaptasi sains Islam mampu menjelaskan imejnya dengan lebih jelas berbanding sains Barat.

Selain itu, kajian oleh Pribadi, S. A. T., & Sestri, E. (2020) menyatakan bahawa Sains Islam merupakan bidang sains yang telah berkembang pesat dalam kalangan kaum Muslimin sejak abad Islam ke-2 hingga ke-9. Sebaliknya di Barat, perkembangan sains dan teknologi mengalami kemajuan yang pesat pada abad ke-17 hingga ke-18 selepas revolusi keilmuan yang menentang autoriti keagamaan pada abad ke-12 hingga ke-13. Sains Islam diakui sebagai salah satu peradaban paling produktif di dalam bidang sains, memimpin dalam pelbagai bidang keilmuan seperti kedokteran dan astronomi. Hubungan yang erat antara sains dan Islam penting kerana Sains Islam lahir dari pandangan dunia dan prinsip hidup Islam yang bersumber dari al-Quran dan Hadis sebagai autoriti kebenaran.

Seterusnya, kajian oleh Lestari, D. F. et. al (2022) yang mana bertujuan menganalisis kontribusi ilmuwan Muslim dalam mendorong perkembangan ilmu pengetahuan dan sains di seluruh dunia dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa ajaran Islam dan kontribusi ilmuwan Muslim memainkan peranan penting dalam kemajuan ilmu pengetahuan, termasuk dalam berbagai bidang keilmuan yang berhubungan dengan perkembangan sains.

Akhir sekali, kajian oleh Ibrahim, S. A. et. al (2021) didapati bahawa Islamisasi ilmu sains semakin berkembang pesat di Malaysia. Pertumbuhan ini tidak hanya berlaku di peringkat tinggi, tetapi juga di peringkat rendah, termasuk di sekolah menengah dan rendah. Kajian ini bertujuan memperkenalkan perkembangan Islamisasi

ilmu sains yang kini berperanan penting dalam membentuk individu atau generasi yang memiliki potensi secara menyeluruh, sejajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Siapakah Dato' Dr Danial Bin Zainal Abidin?

Dato' Dr. Danial Bin Zainal Abidin, susuk tubuh yang akrab di telinga masyarakat sebagai seorang penceramah bebas dan menjelma sebagai figura yang diketahui kebijaksanaan dan kebolehan yang luar biasa dalam menyampaikan dakwah di seluruh dunia. Beliau dilahirkan di Kampung Manggis, Sungai Ara, Pulau Pinang, pada 21 Julai 1955, sebagai anak kedua dari keluarga Haji Zainal Abidin bin Hasan dan Hajah Che Su binti Hj. Jamaluddin.

Pendidikan awalnya bermula di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Jelutong, Pulau Pinang. Keunggulannya terlihat ketika beliau berhasil meraih gred satu dalam peperiksaan MCE, membuka pintu menuju ke tingkatan enam di Sekolah Menengah Penang Free. Namun, beliau mendapat panggilan yang membawanya lebih jauh ke Universiti Iskandariah, Mesir, di mana beliau tidak hanya menjadi mahasiswa berprestasi tetapi juga Presiden Kelab Pelajar-Pelajar Malaysia di Iskandariah pada tahun 1975. Kesempatan belajar di Mesir digunakan dengan bijak untuk mendalami bahasa Arab dan memperoleh ilmu agama dari ulama-ulama terkenal, termasuk as-Syeikh Muhammad Najib Al-Muthi'i. Pada tahun 1981, Dato' Dr. Danial memperoleh ijazah M.B.Ch.B. dalam bidang perubatan.

Setelah kembali ke tanah air, Dato' Dr. Danial membuka Danial Zainal Consultancy (M) Sdn. Bhd. dan aktif sebagai pengurus dan pengamal perubatan di Klinik Syifa, Gelugor, Pulau Pinang. Di samping itu, beliau menjadi pakar motivasi undangan di Mutiara FM, Pulau Pinang, dengan mengendalikan slot Motivasi Mutiara dan Islam Moden, serta memberikan motivasi di Perlis FM dan Perak FM.

Pengalaman dakwahnya mencakup berbagai aspek, khususnya dalam Sains Islam, Quran Saintifik, Sains Kontemporari, dan Ilmu Perubatan Islam. Keistimewaan beliau terletak pada kemampuannya sebagai pakar dalam bidang Sains dan Islam, memungkinkannya mengaitkan dan mengintegrasikan ilmu Sains dan Islam dalam ceramahnya dengan cara yang mudah dipahami oleh pendengarnya. Selain itu, keahliannya dalam ilmu kontemporari dan pemahaman mendalam tentang ilmu akhir zaman, seperti segi tiga bermuda dan teknologi HAARP, menjadikan beliau unik di antara penceramah lainnya.

Bukan hanya aktif di negeri kelahirannya, Dato' Dr. Danial juga sering diundang sebagai penceramah dan pemudah cara dalam berbagai program di Telekom Malaysia, IKIM, Kuantan Port, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Persatuan Pekerja-Pekerja Islam TNB, KLIA, dan tempat lainnya. Prestasinya mencapai puncak saat beliau menjadi penceramah khas bagi Petronas Cari Gali pada tahun 2003, membahas tajuk Quality Principles di berbagai tempat termasuk Terengganu, Sabah, Sarawak, Kuala Lumpur, dan Vietnam. Tahun 2004 melihatnya diundang memberikan ceramah khas

kepada kerabat diRaja Negeri Perak, EXCO Kerajaan Negeri Perak, dan dif-dif jemputan bertajuk ‘Quran dan Sains’. Tak hanya di dalam negeri, beliau juga tampil sebagai penceramah di luar negara, termasuk di St. Louis, Amerika, Perth, Australia, dan Singapura.

Di dalam dunia penulisan, Dato’ Dr. Danial mengukir namanya sebagai kolumnis tetap ruangan Islam dan Sains bagi Majalah-i, Karangkrif, dan Kosmik, Dewan Bahasa dan Pustaka. Karya-karyanya mencakup sepuluh buku, antara lain "Konsep Perubatan Islam," "Islam The Misunderstood Religion," dan "Empayar Minda Muslim," beberapa di antaranya meraih status terlaris atau bestseller di Malaysia. Buku "Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden" menjadi Finalis Anugerah Media Islam (AMIN) pada tahun 2006. Keberhasilannya semakin meluas dengan empat buku yang dilesenkan untuk pasaran di Indonesia, seperti "Empayar Minda Muslim," "Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden," "7 Formula Individu Cemerlang," dan "Tip-Tip Cemerlang Daripada Quran." Keseluruhan perjalanan hidup dan kontribusi Dato’ Dr. Danial Bin Zainal Abidin mencerminkan dedikasi yang tinggi terhadap penyebaran ilmu, motivasi, dan pemahaman mendalam terhadap isu-isu kontemporari, menjadikannya tidak hanya sebagai penceramah, tetapi juga sebagai penulis yang menginspirasi banyak orang di seluruh dunia.

Penulisan Dr Danial Zainal Abidin mengenai Sains Islam

Teori-teori Sains yang diterokai dan diselidik oleh saintis barat sebenarnya banyak yang ditemui terlebih dahulu oleh saintis Islam. Contohnya seperti penemuan Hukum Graviti oleh Isaac Newton yang sebenarnya diambil daripada para penyelidik Islam pada zaman sahabat Nabi Muhammad saw. Newton memberikan namanya sendiri untuk unit bagi daya iaitu 1 Newton. Selain itu, beliau juga menamakan kesemua hukum daya yang ditemuinya dengan namanya sendiri. Contoh, “*Newton First Law, Newton Second Law dan Newton Third Law*”.

Di dalam Surah Al-Ghafir, ayat 64, Allah berfirman, “Allah lah yang menjadikan bumi untuk kamu tinggal”:

اللَّهُ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ قَرَارًا ۖ وَالسَّمَاءَ بِنَاءً ۗ وَصَوَّرَكُم بِأَحْسَنَ صُورِكُمْ
وَرَزَقَكُم مِّنَ الطَّيِّبَاتِ ۚ ذَلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمُ فَتَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ.

Al Quran membincangkan mengenai graviti dan bumi dalam buku tafsiran oleh Ibn Kathir. Jadi, terbukti yang ilmu sains amat berkait rapat dengan Islam. Dr. Danial Zainal Abidin telah menjadi antara pencetus cendekiawan yang membuat penyelidikan lebih teliti dalam Sains dan Islam. Beliau aktif dalam memberi ceramah dan perkongsian di serata Malaysia menyebarkan ilmu mengenai sains Islam khususnya dalam bidang perubatan. Beliau amat gigih dan berusaha dalam penyelidikannya untuk memberi kefahaman kepada pelajar-pelajar yang mendalami ilmu Sains Islam. Dr. Danial juga memastikan kesemua kuliahnya ada dalam bentuk penulisan supaya dapat dijadikan rujukan pada semua umat Islam serta dijadikan rujukan masa hadapan.

Dalam bidang penulisan, Dr Danial Zainal Abidin merupakan seorang kolumnis tetap untuk ruangan Islam dan Sains bagi Majalah-I, Karang kraf, Kosmik, Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau telah menghasilkan sepuluh buah buku antaranya:

1. Konsep Perubatan Islam.
2. Islam: The Misunderstood Religion.
3. Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden.
4. Kit Kombat Islam.
5. Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden.
6. Bukti Sains dan Sejarah Kerasulan Nabi Muhammad SAW.
7. Empayar Minda Muslim.
8. 7 Formula Individu Cemerlang.
9. Tip-tip Cemerlang Daripada Quran.
10. Quran Sainifik.

Lima buku daripada koleksi ini telah mencapai status terlaris di Malaysia. "Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden" menjadi Finalis dalam Anugerah Media Islam (AMIN) pada tahun 2006. Empat buku beliau juga telah dilesenkan untuk pasaran di Indonesia, termasuk "Empayar Minda Muslim," "Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden", "7 Formula Individu Cemerlang" dan "Tip-Tip Cemerlang Daripada Quran".

Menilai Relevansi Konsep-Konsep Sains Islam dalam Merapatkan Jurang Antara Ilmu Agama dan Ilmu Sains Di Era Moden Menurut Dato' Dr. Danial Zainal Abidin

Dr. Danial Zainal Abidin memandang hubungan antara sains dan agama dalam konteks Islam sebagai suatu kesatuan yang saling melengkapi dan dapat diintegrasikan secara harmoni. Baginya, sains dan agama tidak seharusnya saling bertentangan, tetapi sebaliknya, keduanya dapat difahami sebagai dua dimensi yang beriringan untuk membentuk kefahaman menyeluruh terhadap realiti kehidupan (Zainal Abidin, n.d.). Dr. Danial menyoroti keesaan Allah swt (tauhid) sebagai dasar untuk menyatukan pandangan sains dan agama. Kebuktian daripada sains menjadi sarana untuk memahami kebesaran ciptaan Allah swt. Konsep-konsep sains Islam yang diusung oleh Dr. Danial, seperti tauhid, khalifah, dan ilmiah, berperanan penting dalam merangkul kedua bidang tersebut tanpa konflik. Tauhid memberikan kerangka kerja yang mengakui hubungan erat antara sains dan agama, di mana sains dilihat sebagai cara untuk lebih mengakui kebijaksanaan Allah swt. Konsep khalifah menggarisi tanggungjawab manusia sebagai pemelihara bumi dan menggambarkan pentingnya penggunaan ilmu pengetahuan untuk tujuan yang baik dan bermanfaat. Selain itu, konsep ilmiah memastikan bahawa penggunaan sains dan teknologi berlandaskan pada prinsip keadilan dan

keseimbangan. Dengan demikian, konsep-konsep sains Islam yang diusung oleh Dr. Danial membantu mencipta kedua-dua bidang tersebut tanpa konflik. Beliau memberikan dasar pemahaman dan tindakan yang seimbang antara sains dan agama, mengarah pada integrasi yang harmonis antara perkembangan ilmu pengetahuan dan nilai-nilai agama Islam.


Juga, kontribusi sains Islam terhadap pembangunan sosial masyarakat Muslim merupakan elemen integral dalam membentuk masyarakat yang berdaya maju dan beretika di era moden (Alias, 1999). Sains Islam tidak hanya berfungsi sebagai alat untuk pemahaman dan pengembangan ilmu pengetahuan, tetapi juga memiliki dampak positif yang luas dalam memperkuat identiti dan memberikan landasan untuk pembangunan sosial yang berlanjutan. Sains Islam memberikan solusi berkaitan ilmu pengetahuan dalam menentang tentangan sosial. Ia dapat membentuk, mendidik, dan melatih individu dalam pelbagai aspek seperti rohani, jasmani, akal dan kesedaran sosial bagi melahirkan individu yang beriman dan bertaqwa kepada Allah swt (Zaidi et al., 2005). Dengan menerapkan nilai-nilai Islam dalam konteks ilmiah, sains Islam mendorong penelitian dan inovasi yang dapat memberikan solusi konkrit terhadap masalah sosial seperti kemiskinan, ketidaksetaraan, dan perubahan iklim (Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia et al., 2016). Oleh itu, kontribusi sains Islam bukan hanya memperkaya warisan intelektual masyarakat Muslim, tetapi juga memainkan peranan aktif dalam membentuk masyarakat yang adil, berkeadilan, dan berwawasan keislaman pada era ini (Zaidi et al., 2005).

Al-Quran merupakan kitab yang diturunkan oleh Allah swt ke atas Nabi Muhammad saw. Ia bukan sebuah buku sains, sebaliknya merupakan wahyu Allah yang diturunkan sebagai petunjuk agar manusia dapat membezakan antara yang hak dengan yang batil. Melalui wahyu, kita memahami secara tepat maksud Iman, Islam, Syariat dan Akhlak. Menurut Dr. Danial, walaupun al-Quran bukan sebuah buku sains, sebaliknya merupakan wahyu Allah yang diturunkan sebagai petunjuk, di dalamnya terkandung isyarat serta kenyataan yang amat saintifik. Para saintis yang mengkaji al-Quran akan menyedari hakikat ini dan mengaguminya. Secara dasarnya, Allah swt mahu manusia mengkaji alam. Pada hari ini, cara dan metodologi untuk mengkaji alam diistilahkan secara umum sebagai sains. Melalui sains, proses kejadian alam serta fenomena berkaitan dengannya dapat disingkap. Hasil daripada nukilan Dr. Danial yang telah menyelidik konsep-konsep sains Islam, beliau mendapati terdapat nilai-nilai etika dan moral Islam yang dapat diintegrasikan dalam merangka ilmu Sains. Pertama, seperti yang disebutkan sebelum ini, memanfaatkan penemuan sains yang sahih untuk memahami ayat-ayat al-Quran tidaklah salah. Namun sains ada keterbatasannya. Tidak kesemua ayat Al-Quran serta perkara berkaitan agama dapat ditafsirkan dan dikaitkan dengan sains. Antaranya ialah alam ghaib. Dalam Islam, perkara ghaib wajib diimani. Keimanan kepadanya mestilah berdasarkan dalil Al-Quran dan Sunah dan bukan berdasarkan penemuan itu dan ini oleh manusia. Sebagai contoh, berhubung dengan roh, Allah berfirman, “Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: Roh itu termasuk urusan Tuhanku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan tentangnya melainkan sedikit sahaja.” (al-Isra’ ayat 85). Justeru, hakikat roh yang sebenarnya tidak mungkin dapat diketahui oleh manusia termasuk saintis, walaupun kajian yang dilakukan tentangnya menggunakan alat-alat teknologi yang canggih. Demikianlah juga dengan perkara-perkara ghaib yang lain. Kerahsiaannya tidak dapat dirungkaikan oleh sains. Kedua, perkara yang hukum hakamnya adalah qath’i (pasti) iaitu hukum hakam yang pasti berdasarkan dalil-dalil kukuh yang disepakati semua ulama. Ia merupakan hukum yang tidak boleh dipertikai

oleh sesiapa pun. Antara hukum dalam kategori ini ialah tentang haramnya arak dan daging khinzir. Hukum tentang pengharamannya ditentukan oleh al-Quran dan Sunnah dan bukan oleh kajian sains. Jika sains menemui sesuatu yang kononnya baik tentang arak, ia tidak boleh digunakan untuk menghalalkan arak. Demikian juga, jika sains menemui cara untuk membunuh cacing serta kuman tertentu yang terdapat dalam badan khinzir, hukum tentang haramnya khinzir tetap tidak berubah. Sains ada keterbatasannya sebaliknya ilmu Allah swt mengatasi segala-galanya. Ketiga, ibadah yang khusus seperti solat, zakat, puasa dan haji. Ia diwajibkan Allah berdasarkan dalil al-Quran. Umat Islam melaksanakan ibadah-ibadah ini sebagai tanggungjawab pengabdian mereka kepada Allah swt. Ia bukan disebabkan sesuatu rahsia atau hikmah yang ditemui sains atau yang seumpamanya. Nabi saw bersabda, “Apabila aku mencegah kamu daripada melakukan sesuatu maka jauhilah ia, dan apabila aku mengarahkan agar kamu melakukan sesuatu maka datangkanlah ia sedaya upayamu.” (Riwayat Bukhari dan Muslim). Kesimpulannya, konsep-konsep sains Islam yang dipromosikan oleh Dr. Danial dalam kajiannya terbukti dapat mengintegrasikan nilai-nilai etika dan moral Islam. Usaha yang telah dilakukan oleh Dr. Danial penting dalam merangka ilmu sains kontemporari.

Keterlibatan dan Aktiviti Dato’ Dr. Danial bin Zainal Abidin dalam Menyampaikan Dakwah


Dakwah di Instagram






Dato' Dr. Danial Bin Zainal Abidin tidak hanya aktif dalam berdakwah melalui saluran televisyen, tetapi juga memanfaatkan keberadaan di dunia digital dengan memiliki akaun Instagram yang diikuti oleh lebih kurang 9000 pengikut. Akaun tersebut menjadi wadah di mana beliau secara konsisten membahagikan “*content*” berfokus pada ilmu berkaitan Sains dan Islam. Kehadiran beliau di platform ini tidak hanya sebagai bentuk hubungan aktiviti dengan generasi muda, tetapi juga sebagai sarana yang efektif untuk menyampaikan dakwah. Jumlah pengikut yang signifikan menunjukkan daya tarik “*content*” terutama dalam kalangan golongan remaja yang aktif menggunakan Instagram. “*Posting*” beliau memberikan pengaruh positif kepada pengguna Instagram, terutamanya generasi muda yang terbiasa dengan teknologi canggih. Dengan begitu, beliau berhasil memberikan kontribusi berharga dalam memperkaya pengetahuan dan menyampaikan pesan dakwah kepada golongan muda yang terkadang terhanyut oleh kemajuan teknologi moden.

Dakwah di Youtube





Dato' Dr. Danial Bin Zainal Abidin tidak hanya menjadi penceramah yang berpengaruh di dunia digital melalui akun Instagram, tetapi juga secara aktif berdakwah melalui platform YouTube dengan akaun resminya yang dikenali sebagai realridz studio. Akaun ini telah mengumpulkan lebih dari 66,000 pelanggan dengan 781 video yang telah diposting selama 11 tahun, menandakan komitmennya dalam menyediakan “content” bermutu. YouTube beliau tidak hanya menjadi tempat untuk video dakwah berdurasi pendek dan sederhana melibatkan berbagai bidang, termasuk ilmu agama dan Sains Kontemporari.

Realridz studio juga menjadi saluran yang konsisten dan berpengaruh dengan siaran langsung yang berdurasi lebih panjang, mencapai kira-kira 1 atau 2 jam, memberikan kesempatan kepada penonton untuk mendapatkan wawasan yang lebih dalam. Keputusan untuk mengunggah khutbah Jumaat yang dikhatibkan oleh beliau di YouTube menjadi strategi yang efektif untuk memastikan pesan-pesan penting tersebut dapat diakses kepada lebih ramai orang. Dengan pengalaman 11 tahun dan jumlah pelanggan yang signifikan, YouTube beliau bukan hanya merupakan sumber wawasan dakwah yang penting, tetapi juga menjadi wahana yang berdaya guna dalam menyampaikan ilmu dan nasihat agar masyarakat dapat memiliki landasan yang betul dan terhindar dari kesesatan di dunia ini.

Dakwah di Facebook



Melalui Facebook pula, Dr Danial Zainal Abidin mempunyai satu akaun rasmi yang dimana akaun tersebut hanya dihadkan untuk koleksi ceramah beliau di serata Malaysia. Ceramah ceramah Dr Zainal kebanyakannya berdurasi antara 40-90 minit dan kebiasaanya pengguna perlu mendengar sehingga habis untuk mendapat sesuatu info yang penting. Beliau berjaya menggumpulkan 69k pengikut di laman Facebook di mana 30% adalah pengikut bukan Islam. Walaupun Facebook tidaklah menjadi pilihan utama pengguna socmed, tetapi jika dimanfaatkan boleh dijadikan sumber utama dalam pengetahuan Sains Islam.

Dakwah di Tiktok



Dr Danial Zainal Abidin juga amat aktif dalam menyebarkan dakwahnya di platform media sosial seperti Facebook, Whassapp , TikTok dan sebagainya. Dalam usaha mendekati anak anak muda untuk menyebarkan ilmu islam dan sains, beliau giat memuat turun pelbagai video-video ringkas berkenaan sains islam. Sebagai contoh, Dr Danial banyak memilih untuk berkongsi pengetahuannya dan soal jawab hukum hakam islam di laman TikTok. Melalui platform ini, anak anak muda lebih mudah untuk berkomunikasi dengannya mengenai apa apa sahaja ketidakpastian di dalam Islam. Akaun Tiktok beliau mempunyai 58 kiriman yang mengandungi video seperti isu feqah, ibadah, akidah, fiqh, dan adab adab yang berkaitan dengan Islam. Beliau berjaya mengumpulkan 48.1 K pengikut dan dengan setiap kiriman yang dimuat naik mendapat tontonan purata 16 K. Ini sekali gus membawa impak yang positif kepada beliau dalam usaha menarik anak muda lebih arif dan cakna dalam hal hal berkenaan Islam. Selain itu, Tiktok beliau juga boleh dijadikan rujukan kepada mahasiswa dan mahasiswi yang mengikuti pengajian Sains dan Islam sebagai panduan tambahan.

Dakwah di dalam Rancangan Televisyen

Halaqah TV1





Dato' Dr. Danial bin Zainal Abidin telah memberikan sumbangan luar biasa dalam dunia penyiaran melalui rancangan Halaqah yang banyak mengulas tentang isu-isu Islam Kontemporari dan Sains Kontemporari. Sebagai bintang ilmuwan yang sering menjadi pengatur acara bersama Hj Ahmad Noor Sulaiman, Dr. Danial tidak hanya membawa pengetahuan yang mendalam dalam setiap episod, tetapi juga membawakan rancangan dengan gaya yang berkesan. Ilmu Sains dan Islam kontemporari yang dimiliki oleh beliau telah menjadi magnet bagi banyak individu yang berminat mendengar ceramah dan perkongsian beliau. Keunggulan beliau dalam mengintegrasikan kedua-dua aspek ilmu tersebut, menjadikan beliau sebagai sumber inspirasi yang dihormati. Kepakaran beliau memberikan dimensi unik kepada setiap ceramah, menarik minat pendengar untuk menyelami isu-isu terkini dengan perspektif yang menyeluruh dan berwawasan. Dengan demikian, peranan dan jasa Dato' Dr. Danial bin Zainal Abidin dalam menyebarkan pengetahuan kontemporari ini memberikan sumbangan bernilai kepada peningkatan ilmu pengetahuan Masyarakat.

Tanyalah Ustaz TV9





Dr. Danial Zainal Abidin juga telah memberikan sumbangan yang luar biasa melalui rancangan Tanyalah Ustaz, sebuah program televisyen langsung yang telah bertahan lama dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat. Sebagai salah satu penceramah lama dalam rancangan tersebut, kehadiran beliau memberikan dimensi yang unik dengan keistimewaan ilmu pengetahuan yang melibatkan integrasi antara Ilmu Sains Moden dan Agama. Kepakaran beliau dalam menyampaikan huraian-huraian yang mudah difahami oleh masyarakat menjadikan ramai yang meminati beliau. Selain itu, kemampuannya dalam menjawab pertanyaan spontan dari audiens yang menghubungi program tersebut secara langsung melalui panggilan telefon turut membuktikan kecemerlangan dan kepakaran beliau yang tidak dapat disangkal lagi.

Penasihat bagi Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) bermula tahun 2005



Beliau juga aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dan bergiat cergas dalam pertubuhan dakwah dan kebajikan. Salah satunya, beliau menjadi penasihat bagi Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) bermula tahun 2005. Islamic Propagation Society International (IPSI), yang berpusat di Pulau Pinang, Malaysia, berdiri sebagai organisasi bukan kerajaan dan bebas daripada pengaruh politik. Dengan penuh dedikasi dalam mempromosikan ajaran Al-Quran dan As-Sunnah, misi utama IPSI adalah menyebarkan kalimah Allah swt. Melalui dorongan tulus untuk membaca, memahami, dan mengamalkan Al-Quran, IPSI dengan gigih berusaha untuk menyentuh fitrah manusia iaitu kecenderungan kepada bersaksi dan menyembah bahawa Tuhan Yang Maha Esa, Allah SWT. Selain itu, IPSI turut melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan bantuan, memberikan sokongan kepada masyarakat Islam dan non-Islam.

Rujukan

- Abdul Majid, Mahmood Zuhdi (2003). *Tokoh-Tokoh Kesarjanaan Sains Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, A. (2022). *Integrasi Agama dan Sains dalam Perspektif Pendidikan Islam*. PILAR, 13(1), 121-134. Retrieved from: <https://journal.unismuh.ac.id/index.php/pilar/article/view/7843>
- Awang, Ramli, Haron, Zulkifli, & Ripin, Mohd Nasir (2012). *Sains Tamadun Islam*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Azhar, A. (2017). *Sains Islam Vs Sains Barat: Analisis Amalan dan Perbandingan*. Ulum Islamiyyah, 21, 25-41. Retrieved from: <https://uijournal.usim.edu.my/index.php/uij/article/view/21>
- Baba, Alias. (1999). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Contributors to Wikimedia projects. (2022, July 6). *Danial Zainal Abidin*. Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas. https://ms.wikipedia.org/wiki/Danial_Zainal_Abidin
- Dr Danial Zainal Abidin. (n.d.). *Al-Quran menyingkap tabir sains*. Nota. Retrieved from: <https://www.masjidtuankumizan.gov.my/v3/wp-content/uploads/2017/10/Nota-Dr.-Danial.doc>
- Dr. *Danial Zainal Abidin - Profile - IslamicEvents.MY*. (n.d.). <https://islamicevents.my/profile/46>
- Faizan, M. A. A. B., & Abdullah, A. H. (2021). *Al-Quran dan Sains*. In International Seminar On Islamic Education & Peace (Vol. 1, pp. 36-44). Retrieved from: <https://ejournal.uniramalang.ac.id/index.php/isiep/article/view/1293>
- Hadi Ihsan, Nur (2021) *Hubungan Agama dan Sains: Telaah Kritis Sejarah Filsafat Sains Islam dan Modern*. INTIZAR, 27 (2). pp. 97-111. ISSN 1412-1697. Retrieved from: <http://repo.unida.gontor.ac.id/1431/1/Hubungan%20Agama%20dan%20Sains%20Telaah%20Kritis%20Sejarah%20Filsafat%20Sains%20Islam%20dan%20Modern.pdf>
- Ibrahim, S. A., Aziz, N. S., Zulkifli, H., & Razak, K. A. (2021). *Perkembangan Islamisasi Ilmu Sains Dan Usaha Pengaplikasiannya Di Malaysia*. International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education, 1(2), 14-25. Retrieved from: <https://www.myedujournal.com/index.php/arise/article/view/25/31>
- Lestari, D. F., Sany, I. D., Hasan, D. H., Prastika, A. D., Nurkhayati, M., Ninda, N., ... & Priantini, W. M. (2022). *Kontribusi Ilmuwan Muslim Dalam Perkembangan Sains*. Berajah Journal: Jurnal Ilmiah Pembelajaran dan Pengembangan Diri, 2(4), 743-750. Retrieved from: <https://ojs.berajah.com/index.php/go/article/view/160>

- Mohammad Husain, Khairul Anwar; Yaacob, Eyrma; Jasmi, Kamarul Azmi (2018). *Sains Islam dan Asas kepada Sains Moden* in Prosiding Seminar Tamadun Islam 2018 pada 17hb. Ogos 2018 di Bilik Kuliah 6, Blok N28, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, UTM, p. 199- 218. ISBN: 978-967-2171-28-7.
- Pribadi, S. A. T., & Sestri, E. (2020). *Islam Dan Sains Teknologi Modern*. *Jurnal Teknologi Informasi (JUTECH)*, 1(1), 26-32. Retrieved from: <https://ojs.itb-ad.ac.id/index.php/JUTECH/article/view/850>
- Sidik, R., Sidek, M., & Talib, N. M. (2013). *Perkembangan sains tabi'i Islam era Uthmaniyyah*. *Journal of Al-Tamaddun*, 8(2), 37-47. Retrieved from: <https://ajba.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8660>
- Supriyadi, A. (2018). *Kosmologi Islam: Agama dalam Kemelut Sains*. *Prosiding Konferensi Integrasi Interkoneksi Islam dan Sains*, 1, 85-90. Retrieved from: <http://sunankalijaga.org/prosiding/index.php/kiiis/article/view/15>
- Taqiyuddin, M. (2021). *Hubungan Islam dan Sains: Tawaran Syed Muhammad Naquib Al-Attas*. *Islamadina: Jurnal Pemikiran Islam*, 22(1), 81-104. Retrieved from: <https://jurnalnasional.ump.ac.id/index.php/ISLAMADINA/article/view/7216>
- Zaidi, M. F. I., Shamsuddin, M. Z., & Jasmi, K. A. (2005). *Sumbangan Sains Islam dalam Sains Moden*. ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/327118207_Sumbangan_Sains_Islam_dalam_Sains_Moden
- Zainal Abidin, Dr. D. (n.d.). *Al-Quran dan Sains*. Scribd. Retrieved December 15, 2023, from <https://www.scribd.com/document/428377016/Kertas-Kerja-QURAN-SAINS-Dr-Danial>